

## Minggu pertama Dewan Rakyat cipta sejarah

Julai 22, 2022 @ 10:43am



Minggu pertama mesyuarat Dewan Rakyat minggu ini mencipta sejarah buat negara dengan lulusnya Rang Undang-Undang Antigungguan Seksual 2021. - Foto Kementerian Penerangan

KUALA LUMPUR: Minggu pertama mesyuarat Dewan Rakyat mencipta sejarah buat negara dengan lulusnya Rang Undang-Undang Antigungguan Seksual 2021.

Penggubalan rang undang-undang yang bermula sejak 2011 itu diharap berupaya menangani isu gangguan seksual di Malaysia yang belum memiliki undang-undang khusus mengenainya.

Namun, kelulusan rang undang-undang pada Rabu (20 Julai) itu tidak terlepas daripada 'drama' apabila pihak pembangkang mendakwa Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman (BN-Pasir Salak) mengeluarkan kata kesat dan lucah sehingga mencetuskan situasi 'panas' ketika sesi perbahasan.

Sidang dewan yang bermula pada Isnin (18 Julai) juga mengalami kekecohan apabila Isnaraissah Munirah Majilis (Warisan-Kota Belud) diarah keluar dan digantung dua hari daripada menghadiri mesyuarat setelah bertegas mahu usul tuntutan kumpulan Sulu terhadap Sabah dibahas di Dewan Rakyat.

Isu berkenaan terus dibangkitkan Ahli-Ahli Parlimen pembangkang sebelum Yang Dipertua Dewan Rakyat Tan Sri Azhar Azizan Harun menjelaskan pada Rabu bahawa perbincangan berhubung tuntutan kumpulan Sulu di Parlimen boleh menjejaskan kepentingan Malaysia dalam prosiding litigasi kes berkenaan.

Menurutnya, perbincangan mengenai perkara itu berkemungkinan akan **mendedahkan strategi negara** dalam hal berkaitan, sekali gus memberi manfaat kepada pihak lain.

Pada 12 Julai lalu, Mahkamah Rayuan Paris membenarkan permohonan kerajaan Malaysia untuk menggantung penguatkuasaan Final Award bertarikh 28 Februari 2022 yang dikeluarkan penimbang tara Dr Gonzalo Stampa berikutan tuntutan kumpulan Sulu melalui satu prosiding timbang tara antarabangsa di Madrid, Sepanyol.

Sebelum ini, dilaporkan aset dua anak syarikat Petronas di Azerbaijan **dirampas** oleh kumpulan Sulu, yang dikatakan menuntut AS\$14.92 bilion (RM62.59 bilion) daripada Malaysia.

Turut menarik perhatian, Dewan Rakyat meluluskan usul membatalkan keputusan dewan pada 23 Mac lepas yang menolak lanjutan penguatkuasaan Subseksyen 4(5) Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 atau SOSMA.

Usul itu diluluskan setelah melalui undi belah bahagian yang menyaksikan 105 Ahli Parlimen bersetuju manakala 83 tidak bersetuju dan 32 tidak hadir, sekali gus membolehkan Kementerian Dalam Negeri (KDN) mengemukakan semula usul lanjutan penguatkuasaan Subseksyen 4(5) akta berkenaan untuk tempoh tahanan 28 hari dikekalkan bagi tempoh lima tahun lagi mulai 31 Julai ini, pada persidangan kali ini.

Dewan Rakyat turut **meluluskan** tujuh rang undang-undang iaitu Rang Undang-Undang Perhutanan Negara (Pindaan) 2022; Rang Undang-Undang Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (Pembubaran) 2021; Rang Undang-Undang Kehadiran Wajib Pesalah-Pesalah (Pindaan) 2021 dan Rang Undang-Undang Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (Pindaan) 2022.

Turut diluluskan Rang Undang-Undang Kawalan Padi dan Beras (Pindaan) 2022; Rang Undang-Undang Racun (Pindaan) 2022 dan Rang Undang-Undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2022.

Bagaimanapun, usul pemilihan Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat bagi menggantikan Datuk Seri Azalina Othman Said ditangguh sekali lagi ke persidangan akan datang. – BERNAMA